

## **Pembinaan Model Pembangunan Modal Insan melalui Bola Sepak terhadap Kemahiran Insaniah Belia Felda sekitar Kota Tinggi**

*Development of a Human Capital Development Model through Football for the Soft Skills of Felda Youth around Kota Tinggi*

Amirul Asraf Ab Razak, Zulakbal Abd Karim\* & Fakrul Hazely Ismail

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim Perak, Malaysia

\*Corresponding Author: [zulakbal@fsskj.upsi.edu.my](mailto:zulakbal@fsskj.upsi.edu.my)

**Received:** 04 August 2025; **Revised:** 11 October 2025 **Accepted:** 27 October 2025; **Published:** 30 October 2025

**To cite this article (APA):** Ab Razak, A. A., Abd Karim, Z., & Ismail, F. H. (2025). Pembinaan Model Pembangunan Modal Insan melalui Bola Sepak terhadap Kemahiran Insaniah Belia Felda sekitar Kota Tinggi. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 14(Isu Khas), 58-66. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol14.sp.7.2025>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol14.sp.7.2025>

### **Abstrak**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti program pembangunan modal insan terhadap belia felda sekitar Kota Tinggi. Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kajian kualitatif berdasarkan pendekatan Grounded Theory seperti yang dicadangkan oleh Strauss & Corbin. Kajian ini menggunakan temu bual semi berstruktur terhadap tujuh belia sebagai peserta kajian dalam penyelidikan ini bagi mendapatkan maklumat atau data premier yang mencapai kepada objektif kajian ini. Selain itu, data daripada pemerhatian dan analisis dokumen berkaitan dengan pasukan belia felda juga dianalisis untuk menyokong data utama. Pemerolehan daripada semua data tersebut telah dianalisis menggunakan kaedah Thematic Analysis seperti yang telah dicadangkan oleh Patton. Semua data perlu melalui proses pengkodan iaitu pengkodan terbuka, pengkodan paksi dan pengkodan pilihan yang terbentuk tema berkaitan dengan pembangunan modal insan yang diperlukan oleh belia-belia felda. Terdapat tujuh tema-tema yang terbentuk adalah kemahiran semangat berpasukan, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi, kemahiran professional, kemahiran emosi/gaya hidup sihat, kemahiran integrity dan kemahiran pembelajaran berterusan hingga akhir hayat. Melalui temat-tema ini maka penyelidikan berjaya mencadangkan sebuah Model Pembangunan Modal Insan Melalui Bola Sepak Terhadap Kemahiran Insaniah Belia Felda Sekitar Kota Tinggi yang dapat membantu belia felda lebih berkesan dalam melahirkan belia felda yang berkualiti daripada aspek kemahiran insaniah. Diharapkan pihak-pihak yang terlibat di kawasan felda-felda dapat membentuk pusat sumber dan menggunakan model ini sebagai panduan dalam program pembangunan modal insan terhadap belia-belia felda.

**Kata Kunci:** Modal Insan, Model, Kemahiran Insaniah, Belia Felda, Bola Sepak

### **Abstract**

*This research aim to identify human capital development programs for Felda's youth around Kota Tinggi. The research method used in this research is a qualitative study based on the Grounded Theory approach as suggested by Strauss & Corbin. This study uses semi-structured interviews with seven youth as study participants in this research to obtain information or premier data that achieves the objectives of this study. In addition, data from observation or document analysis related to Felda's youth team were also analysed to support primary data. The acquisition of all data was analysed using Thematic Analysis method as suggested by Patton. All data need to go through the coding proses, which is open coding, axis coding and selective coding that from themes related to the*

*development of human capital needed by Felda's youth. There are seven themes formed which are team spirit, communication skills, professional skills, emotional skill/ healthy lifestyle, integrity skill and continuous learning skills. Through these themes, the research successfully proposes a Human Capital Development Model Through Football to the Soft Skills of Felda's Youth Around Kota Tinggi that can help Felda's youth to be more effective in producing quality Felda's youth from the aspect of soft skill. It is hoped that the parties involved in the area can form a resource center and use this model as a guide in the human capital development program for the Felda's youth.*

**Keywords:** *Human Capital, Model, Soft Skills, Felda Youth, Soccer*

## PENGENALAN

Bola sepak merupakan sukan yang menarik dan ia adalah sukan nombor satu di Malaysia (Nazri, 2023). Terdapat banyak faedah menyertai aktiviti bola sepak telah terbukti memberi impak positif kepada masyarakat terutamanya golongan belia di bandar mahupun di luar Bandar. Bola sepak juga boleh dijadikan sebagai kerjaya, pekerjaan dan perniagaan dianggap kenderaan tujuan lain dalam kehidupan manusia (Abd Karim, 2016). Bola sepak, bagaimanapun dianggap sebagai sukan menggunakan fizikal yang memerlukan berlakunya bersentuhan antara pemain dengan pemain lain. Oleh kerana isu covid-19 kerajaan menghadkan pergerakan dan persentuhan dapat dipertimbangkan semasa pandemik COVID-19 (Abd Karim & Razak, 2018). Telah sekian lama bola sepak dianggap berupaya menjadi kenderaan untuk tujuan lain dalam kehidupan (Abd Karim & Nadzalan, 2017). Mengingatkan sifat hidup moden yang amat tepu, telah diakui secara meluas bahawa anak-anak masa kini perlu perkembangan baru kecakapan berkaitan media yang telah mempersiapkan mereka untuk hidup dan mengambil bahagian dalam dunia sekarang dan masa depan, mengubah gaya kita belajar tentang dunia dan mencabar asas-asas pendidikan (Singer, 2019).

Faktor kemiskinan bandar ini pula berlaku apabila peluang pekerjaan yang terhad yang mewujudkan persaingan dalam usaha untuk mendapatkan gaji yang lumayan, termasuklah mereka yang dikategorikan sebagai individu yang mempunyai pendapatan yang bagus, tetapi terbeban dengan kos sara hidup yang melebihi jumlah pendapatan pada setiap bulan atau pendapatan perkapita. Penglibatan kerajaan dalam pembangunan sukan bola sepak di kawasan luar bandar, program sosial dan negara ideologi ini menuntut pemahaman baru bagaimana program sosial berstruktur dan dikendalikan, serta implikasi yang mungkin untuk pengurusan pasukan bola sepak. Pengaruh dan motivasi yang baik serta berterusan harus ditunjukkan dan diberikan bagi menarik minat kepada belia untuk meneruskan latihan bola sepak yang sangat- sangat memberikan nilai baik ini (Keegan, Harword & Lavalle, 2010).

Modal Insan merupakan aset penting terhadap sesebuah Negara dan memperagakan peranan yang penting kepada pengekalan persaingan dan kelangsungan negara. Modal insan merupakan aset utama yang perlu dilaksanakan dengan baik agar melakukan sesuatu sumber kerja cemerlang dan berkualiti yang memberi manfaat kepada organisasi (Ahmad & Majid, 2018). Kementerian Pengajian Tinggi telah membawa pendekatan yang menyeluruh mengenai Kemahiran Insaniah (KI) (Soft Skills) yang meliputi dari segi aspek-aspek kemahiran generik yang mengaitkan elemen kognitif dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan telus, semangat kerjasa berpasukan, komunikasi yang baik dan pembelajaran yang berterusan sehingga akhir hayat (Pati Anak Aleng, 2014).

Tidak mudah untuk belia berdepan dengan dunia pekerjaan yang semakin mencabar, rumit dan kompleks keperluannya. Tidak cukup sekadar memiliki sekeping sijil, diploma atau ijazah belum tentu dapat kelebihan seseorang itu diterima atau ditawarkan pekerjaan yang tinggi ataupun belia dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna (Kumalasari, 2021). Belia perlu mempunyai kemahiran insaniah dan kepakaran berinteraksi untuk memudahkan berkerjasama dengan pasukan bagi melaksanakan taktikal menjaring gol. Felda telah menubuh kelab bola sepak Felda United Fc yang beraksi di Liga Super, Felda United Fc merupakan sebuah pasukan yang kuat suatu ketika dahulu dan sehingga kini. Pada tahun 2020, Felda United Fc telah membuat syarat baru iaitu pemain dalam pasukan hendaklah dari kalangan anak atau cucu felda. Dengan itu, felda di daerah Kota Tinggi mempunyai penduduk yang aktif bersukan seperti bola sepak dengan menjalani kajian ini penyelidik dapat menerapkan modal insan yang baik bagi membantu pembangunan bola sepak di felda di daerah Kota Tinggi. Selain itu, kemahiran insaniah ini dapat belia menghadapi cabaran untuk berkerja kerana

mempunyai kemahiran berkerjasama yang baik dan tiada masalah dalam berinteraksi dengan pelbagai orang.

Disebalik terdapatnya banyak penyelidikan dalam bidang ini, namun, setakat ini belum terdapat usaha membentuk sebuah model yang boleh menjadi panduan kepada pemimpin felda sekitar Kota Tinggi dalam usaha membimbing para belia mengamalkan kemahiran insaniah melalui program bola sepak, maka usaha penyelidikan ini adalah merakamkan dalam dunia akademik dengan membentuk satu model baru pembangunan modal insan melalui bola sepak terhadap kemahiran insaniah belia felda sekitar Kota Tinggi. Kajian ini dijalankan untuk membentuk sebuah model yang boleh menjadi panduan kepada pemimpin felda sekitar Kota Tinggi dalam usaha membimbing para belia mengamalkan kemahiran insaniah melalui program bola sepak.

## **METODOLOGI**

Kajian ini memfokuskan kepada pendekatan Grounded Theory yang dipelopori oleh Strauss dan Corbin pada awal tahun 1960-an. Pendekatan ini merupakan suatu pendekatan kepada kaedah kualitatif yang menarik yang dilakukan. Grounded Theory ini melibatkan pengenalan yang progresif dan integrasi kepada kategori makna daripada data yang diperolehi.

Teori ini juga sebagai salah satu kaedah yang menyediakan panduan kepada pengkaji tentang bagaimana untuk mengenalpasti kategori-kategori, bagaimana untuk membuat kaitan antara kategori yang telah dikenalpasti dan juga bagaimana untuk membina hubungan terhadap kategori-kategori tersebut. Seterusnya, Grounded Theory ini adalah sebagai satu teori yang dikatakan sebagai produk terakhir dalam proses analisis data dalam kaedah ini. Menurut Looker, (2021) pula, pendekatan Grounded Theory ini menyediakan suatu metodologi yang menggunakan metod atau kaedah yang tidak terperinci dalam pra-konsepsi atau disiplin kajian. Ianya juga merupakan satu kaedah yang membenarkan corak data untuk menjelaskan mengenai persoalan kajian yang ditimbulkan.

Penyelidikan kualitatif merujuk kepada kajian yang dijalankan secara pemerhatian yang teliti. Penyelidikan Kualitatif mempunyai rangka data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif (Kassim, 2008). Beliau menambah data kualitatif diperolehi daripada bentuk temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, manakala nota lapangan dan diari pengkaji merupakan sumber utama yang membuktikan kerja-kerja lapangan yang dijalankan.

Abd Karim, Ghafar & Nadzalan (2018) menyatakan penyelidik adalah instrumen utama yang bertindak untuk mengumpulkan data melalui pemerhatian, temu bual dan analisis data di lapangan serta dokumen kemudian menganalisis data tersebut. Kenyataan ini turut disandarkan melalui Creswell dan Clark (2017). Abd Karim et al. (2018) menjalankan temu bual secara bersemuka dengan peserta kajian dan merekod menggunakan pita rakaman suara dan video. Rakaman mengambil masa lebih kurang 50 minit hingga satu jam. Penyelidik juga menggunakan panduan temu bual bagi memastikan sesi temu bual berjalan dengan lancar dan mengelakkan penyelidik terpesong daripada objektif kajian. Kassim (2008) juga menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian beliau. Hal ini kerana kajian ini menumpukan kepada pengetahuan dan tingkah laku jurulatih yang menjadi peserta dikaji, maka kaedah kualitatif dianggap bersesuaian kerana kajian ini berkaitan dengan pemahaman tentang manusia.

## **Persampelan**

Persampelan merujuk kepada proses memilih sekumpulan individu dalam satu populasi (Esezi-Obilor, 2023). Penyelidik memilih pensampelan bertujuan atau dikenali *Purposeful Sampling* (Othman Lebar, 2017). Kaedah ini juga biasa digunakan dalam kajian kualitatif. Othman Lebar (2017) juga menyatakan dalam kajian kualitatif, memilih sampel iaitu manusia atau tempat, mempunyai matlamat yang berbeza iaitu untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji. Pemilihan pensampelan bertujuan kerana dianggap pensampelan yang mudah atau *Convenience Sampling*, demi memudahkan, unit-unit kajian yang boleh didapati pada masa pengumpulan data dipilih dalam sampel. Seramai tujuh orang belia menjadi sampel dalam penyelidikan pembangunan modal insan melalui bola sepak terhadap kemahiran insaniah belia felda sekitar Kota Tinggi.

## **Pengumpulan Data**

Penyelidik telah melalui proses protokol dan Standard Operating Procedure (SOP) yang perlu dipatuhi dan yang telah ditetapkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Panduan temu bual yang dibina selaras dengan langkah-langkah pembinaan soalan yang dicadangkan oleh Kang & Hwang (2021). Seterusnya soalan ini telah dibincang bersama penyelia untuk mendapatkan kesahan, kebolehppercayaan dan ketepatan maksud soalan selari dengan persoalan dan objektif kajian ini. Selepas dipersetujui bersama antara penyelidik dan penyelia, maka panduan soalan temu bual tersebut diuji kepada seorang peserta kajian dalam yang dikenali sebagai kajian rintis (Maria Luiza, 2018). Hasil daripada kajian rintis itu yang bertujuan mendapatkan kesesuaian tajuk impak program pembangunan modal insan melalui bola sepak terhadap kemahiran insaniah belia felda sekitar Kota Tinggi, penyelidik sekali lagi berbincang dengan penyelia untuk penambah baik dan mendapat ketepatan soalan untuk digunakan dalam penyelidikan sebenar. Selepas kajian rintis dan perbincangan dengan penyelia, panduan soalan temu bual dihantar kepada tiga orang pakar yang terdiri daripada pakar bidang kejurulatihan bola sepak dan pakar pengurusan sukan di Johor. Perkara ini dijalankan selaras dengan cadangan Cohen Kappa (Hussin, 2016) dalam proses yang dikenali sebagai kesahan pakar untuk instrumen. Beliau menambah, Indeks Cohen Kappa adalah nilai penentuan darjah persetujuan pengekodan yang dilakukan oleh penyelidik dengan pakar bidang yang diselidiki. Manakala menurut Saari, Ghani & Mohd Radzi (2023) tujuan analisis Indeks Cohen Kappa digunakan adalah untuk menentukan darjah persetujuan unit analisis dengan tema yang dikaji.

## **Analisis Data**

Penyelidikan kualitatif juga banyak bergantung kepada temu bual. Temu bual yang sering digunakan adalah temu bual secara terbuka bagi mengumpul maklumat. Teori baharu telah terhasil secara beransur-ansur dan dibina dari pengumpulan data mentah dan berkembang daripada pengekodan fenomena dan tema (Karim, 2016). Penyelidik juga akan melaksanakan kajian ini berpanduan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak KPM melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan juga termasuk menghadiri kursus etika bagi memenuhi syarat untuk melaksanakan kajian. Penyelidikan saya menggunakan jenis temu bual semi berstruktur yang mendalam. Menurut Othman Lebar (2017) temu bual semi berstruktur yang mendalam sesuai kerana soalan terbuka dan jawapan direkodkan dengan lebih terperinci, soalan-soalan dalam temu bual semi terbuka ini ditentukan terlebih dahulu namun jawapan-jawapan kepada soalan itu adalah terbuka dan boleh dikembangkan (Patton, 2002). Kaedah pemerhatian, peranan penyelidik mungkin berbeza dari segi tahap keterlibatan. Peranan penyelidik menjelaskan empat mod pemerhatian iaitu terhadap peserta sepenuhnya, peserta sebagai pemerhati, pemerhati sebagai peserta, dan pemerhati sepenuhnya. Berdasarkan jumlah aspek, teknik pemerhatian terbahagi kepada beberapa bahagian (Patton, 2015). Dua jenis pemerhatian dilaksanakan dalam penyelidikan ini yang pertama pemerhatian sepenuhnya yang bermaksud penyelidik secara pasif dan memantau responden dalam kegiatan aktiviti seharian dengan mencatat nota lapangan semasa membuat pemerhatian. Setiap temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen telah terus ditranskripsi secara verbatim iaitu perkataan demi perkataan oleh peserta kajian disalin tanpa ada tambahan atau pengurangan maklumat semasa temu bual (Abd Karim, 2016). Tisdell & Meriam (2025) satu bentuk analisis kandungan biasanya digunakan dalam analisis dokumen. Kaedah pengumpulan data yang ketiga ialah menganalisis pelbagai dokumen yang dikumpulkan, merujuk kepada pelbagai bahan bertulis atau ditaip. Pengumpulan dokumen sedemikian membantu dalam menambah bukti dari sumber lain, mengesahkan persoalan kajian baru yang muncul dan membuat kategori baru (Othman Lebar, 2017).

## **Pengekodan Terbuka (Open Coding)**

Menurut prinsip Strauss dan Corbin (2008) nama diberikan kepada kategori dan tema. Kod merupakan ungkapan dari kata-kata responden dan kod telah diberikan mengikut kesesuaiannya ciri dan makna yang dikongsi. Sepanjang proses ini, data telah dipersoalkan dan dibandingkan untuk mendapatkan pengekodan yang lebih banyak, seperti pengalaman, maklumat diri dan sumber pengetahuan tentang

program latihan kemahiran insaniah yang diberikan oleh responden kajian.

### **Teoritik Sensitiviti (Theoretical Sensitivity)**

Menurut Kathy & Robert (2021) teoritik sensitiviti pada dasarnya adalah kualiti peribadi penyelidik, yang merujuk kepada kepekaan dan kesedaran mengenai kehalusan maknanya daripada data yang diperolehi dari transkripsi temu bual dan juga nota lapangan pemerhatian. Ini bermaksud penyelidik mempunyai tahap sensitiviti yang berbeza bergantung kepada bacaan dan pengalaman sebelum ini dalam konteks yang berkaitan. Teoritik sensitiviti ini juga merujuk kepada pemahaman, keupayaan memberi makna kepada data, keupayaan untuk memahami, dan keupayaan memisahkan maklumat yang penting.

### **Pengekoden Paksi (Axial Coding)**

Menurut Hussin (2014), pengekodan paksi adalah satu set prosedur di mana data disatukan kembali secara baharu setelah proses pengekodan terbuka dijalankan, dengan membuat hubungan diantara kategori-kategori yang telah dikenalpasti. Menurut pendekatan yang dipopularkan oleh Strauss dan Corbin (2008) pengekodan paksi telah ditakrifkan dan diamalkan sebagai proses kategori yang berkaitan dengan sub kategori tema. Strauss dan Corbin menamakan pengekodan paksi kerana pengekodannya berlaku di sekitar paksi kategori yang menghubungkan kategori pada tahap sifat dan dimensi.

## **DAPATAN KAJIAN**

Data daripada bahan bertulis merupakan petikan daripada sesuatu dokumen atau keseluruhan dokumen serta rakaman suara dan video. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif bagi mencapai beberapa objektif kajian yang dipilih. Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini dilakukan secara kaedah temubual bersama golongan belia yang tinggal di kawasan felda di daerah Kota Tinggi. Dalam kajian kualitatif, terdapat beberapa reka bentuk atau pendekatan kajian seperti kajian kes, etnografi, fenomenologi termasuk teori lapangan. Berbeza dengan pendekatan lain, teori lapangan (*Grounded Theory*) memerlukan satu isu atau fenomena yang luar biasa serta unik (Strauss dan Corbin, 1998; 1990) untuk digunakan dalam kajian ini. Luar biasa dan unik dalam kajian ini bermaksud melalui sorotan literatur yang dikaji, penglibatan belia felda dengan aktiviti tidak berfaedah dan kebanyakan menyatakan bola sepak itu penting dan popular di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan penyelidikan kualitatif menerusi kaedah teori lapangan (GT). Maka, penyelidik memilih pensampelan bertujuan atau dikenali *Purposeful Sampling* (Othman Lebar, 2017). Kaedah ini juga biasa digunakan dalam kajian kualitatif. Othman Lebar (2017) juga menyatakan dalam kajian kualitatif, memilih sampel iaitu manusia atau tempat, mempunyai matlamat yang berbeza iaitu untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji. Pemilihan pensampelan bertujuan kerana dianggap pensampelan yang mudah atau *Convenience Sampling*, demi memudahkan, unit-unit kajian yang boleh didapati pada masa pengumpulan data dipilih dalam sampel.

Penyelidikan kualitatif juga banyak bergantung kepada temu bual. Temu bual yang sering digunakan adalah temu bual secara terbuka bagi mengumpul maklumat. Menurut Patton (2002) temu bual diperlukan apabila penyelidik tidak mampu memerhatikan perlakuan, perasaan, atau bagaimana manusia boleh mentafsir apakah yang terjadi pada sekeliling peserta. Penyelidikan ini menggunakan jenis temu bual semi berstruktur yang mendalam. Menurut Othman Lebar (2017) temu bual semi berstruktur yang mendalam sesuai kerana soalan terbuka dan jawapan direkodkan dengan lebih terperinci, soalan-soalan dalam temu bual semi terbuka ini ditentukan terlebih dahulu namun jawapan-jawapan kepada soalan itu adalah terbuka dan boleh dikembangkan (Patton, 2015). Kaedah pemerhatian, peranan penyelidik mungkin berbeza dari segi tahap keterlibatan. Peranan penyelidik menjelaskan empat mod pemerhatian iaitu terhadap peserta sepenuhnya, peserta sebagai pemerhati, pemerhati sebagai peserta, dan pemerhati sepenuhnya. Berdasarkan jumlah aspek, teknik pemerhatian terbahagi kepada beberapa bahagian (Patton, 2002). Penggunaan dokumen melibatkan analisis yang khusus juga dipanggil analisis kandungan. Tisdell & Merriam (2025) satu bentuk analisis

kandungan biasanya digunakan dalam analisis dokumen. Kaedah pengumpulan data yang ketiga ialah menganalisis pelbagai dokumen yang dikumpulkan, merujuk kepada pelbagai bahan bertulis atau ditaip. Pengumpulan dokumen sedemikian membantu dalam menambah bukti dari sumber lain, mengesahkan persoalan kajian baru yang muncul dan membuat kategori baru (Othman Lebar, 2017). Selain itu, dokumen memberikan maklumat tambahan tentang isu-isu yang ada dan sokongan yang diperlukan oleh belia. Pengumpulan data temu bual telah tamat disebabkan tiada lagi maklumat terbaru diperolehi daripada peserta kajian.


## **PERBINCANGAN**

Penyelidikan ini merupakan satu kajian untuk mengetahui isu-isu yang timbul kepada belia- belia di kawasan felda daerah Kota Tinggi. Berdasarkan dapatan kepada isu-isu yang menjadi cabaran kepada guru, ibu bapa dan juga masyarakat, kajian ini juga telah membincangkan bantuan dan sokongan yang diperlukan oleh belia-belia felda daerah Kota Tinggi yang terlibat dengan program pembangunan bola sepak di kawasan kampung felda sekitar Kota Tinggi. Daripada dapatan tersebut, penyelidik dapat mengenal pasti model pembangunan modal insan yang dapat membantu pemain dalam kalangan pelajar di sekolah atau belia felda Kota Tinggi. Data yang diperolehi daripada analisis dapatan kajian telah dibahagi kepada dua bahagian utama iaitu cabaran atau kekangan dan sokongan yang dapat membantu penyelidik untuk menghasilkan satu Model Pembangunan Modal Insan Melalui Bola Sepak Terhadap Kemahiran Insaniah. Model ini diharap boleh membantu belia felda menjadi pemain yang mahir dalam sukan bola sepak dan mempunyai kemahiran insaniah yang baik supaya menjadi insan yang berguna kepada masyarakat dan sekolah. Seterusnya mampu melahirkan pemain belia felda Kota Tinggi ke tahap mewakili negara dalam kejohanan di peringkat lebih tinggi.

### **Model**

Model pembangunan modal insan pemain bola sepak dalam kalangan pelajar belia felda ini terhasil berpandukan model-model yang pernah dicadangkan seperti Abd Karim (2016), Karim, Razak & Nadzalan. (2018). Model proses kejurulatihan dapat digunakan untuk mengukuhkan program pendidikan jurulatih yang pada masa ini dikatakan berdasarkan garis panduan umum sehingga mengakibatkan tidak bermaklumat dan tidak berpengaruh (Kassim, 2014). Model ini dibina daripada dapatan data yang diperolehi menerusi tujuh orang pemain bola sepak dalam kalangan belia felda sekolah di sekitar Kota Tinggi mengenai cabaran dan kekangan yang dihadapi sebagai pemain serta bantuan dan sokongan yang diperlukan oleh pemain dalam kalangan pelajar belia felda. Hasil kajian daripada data temu bual itu disokong dengan dapatan daripada pemerhatian dan nota lapangan penyelidik sepanjang tempoh penyelidikan serta analisis dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan dengan peserta kajian.

### **Model Pembangunan Modal Insan Melalui Bola Sepak terhadap Belia Felda.**



**Rajah 1.** Gambar Rajah model pembangunan modal insan

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan ini telah berjaya menghasilkan model impak program pembangunan modal insan melalui bola sepak terhadap kemahiran insaniah belia felda sekitar Kota Tinggi objektif dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti gambaran menyeluruh cabaran dan kekangan jurulatih bola sepak dalam kalangan guru mengenai bola sepak di Pusat Latihan Pasukan Belia Felda serta bantuan dan sokongan yang mereka perlukan sebagai pemain bola sepak di felda. Hasil penyelidikan ini berjaya mengenal pasti objektif kajian yang dapat membantu penyelidik mendapatkan pembangunan modal insan melalui bola sepak terhadap kemahiran insaniah pemain dalam kalangan pelajar belia felda. Seterusnya, hasil daripada data tersebut, penyelidik telah mencadang model pembangunan modal insan yang diperlukan oleh pemain dalam kalangan belia felda di sekitar Kota Tinggi.

## RUJUKAN

- Abd Karim, Z. B. (2016). *Development characteristics of football coaches in Australia and Malaysia* (Doctoral dissertation, Victoria University).
- Abd Karim, Z., & Nadzalan, A. M. (2017). Malaysia football coaches: Development characteristics. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(9), 2222-6990.
- Abd Karim, Z., & Razak, N. (2018). Lesson Learned from Coaches of Malaysian National Football Development Programme (NFDP): Preferred Career Development Pathway and Accredited Coaching Course. *International Journal of Academic Research in Business & Social Science*, 8(6), 1069-1082.
- Abd Karim, Z., Ghafar, N. A. A., & Nadzalan, A. M. (2018). The leadership style among football coaches leadership style among teachers in Hulu Langat district: The implications on National Football Development Program (NFDP) in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(3), 551-558.
- Ahmad, N. L., & Majid, N. A. (2018). Program praktikum sebagai medium pengukuhan kemahiran insaniah dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 17-27.
- Bellan, P., Dragoni, M., & Ghidini, C. (2020). A qualitative analysis of the state of the art in process extraction from text. In *Proceedings of the AIXIA 2020 Discussion Papers Workshop* (Vol. 2776, pp. 19-30). CEUR-WS. org.
- Charmaz, K & Thornberg, R (2021) The pursuit of quality in grounded theory, *Qualitative Research in Psychology*, 18:3, 305-327, DOI: 10.1080/14780887.2020.1780357
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing and conducting mixed methods research*. Sage publications.
- Esezi-Obilor, F. U. (2023). Corporate Governance In Banks: A Study Of Three Commercial Banks In The Niger Delta Region Of Nigeria. *International Journal of Innovative Finance and Economics Research* 11(2):48-61
- Hussin, Z. (2016). Risk Factors of Aggression and Associated Illegal Motorcycle Racers. *no. September*.
- Kang, E., & Hwang, H. J. (2021). Ethical conducts in qualitative research methodology: Participant observation and interview process. *Journal of Research and Publication Ethics*, 2(2), 5-10.
- Karim, Z. A. (2016). Malaysian football coaches: The key challenges. *International Journal of Health, Physical Education and Computer Science in Sports*, 24(1), 18-24.
- Karim, Z. A., Razak, A. N. A., & Nadzalan, A. M. (2018). Designing model of career path development for National Football Development Program (NFDP): directions, issues, challenges and sources of knowledge that influence and develop coaching expertise level. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(3), 542-550.
- Kassim, M (2014). Relation Between Knowlegde of Coaching and Behaviour of Football Coaches. Centre for Coaching Science, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. *Zulfaqr Int. J. Def. Sci. Eng. Tech.* Vol.1, 43-51.
- Kassim, M. (2008). *A qualitative study of the relationships between the knowledge and behaviour of coaches in two football academies in Malaysia* (Doctoral dissertation, Loughborough University).
- Keegan, R., Spray, C., Harwood, C., & Lavallee, D. (2010). The motivational atmosphere in youth sport: Coach, parent, and peer influences on motivation in specializing sport participants. *Journal of applied sport psychology*, 22(1), 87-105.
- Kumalasari, I. (2021). *Strategi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Dalam Pembinaan Mental Anak Tunagrahita di Sekolah Inklusif Kota Medan* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara).

- Looker, B., Vickers, J., & Kington, A. (2021). The case for a critical realist grounded theory research design. *IV International Summer School on Grounded Theory and Qualitative Methods (Pisa, June 2019)*, this publication collects original contributions about the practices of Grounded Theory Methods (GTM), by balancing theory, creativity, and procedure in research applications, and by covering the wider spectrum of the related dif, 139.
- Malmqvist, J., Hellberg, K., Möllås, G., Rose, R., & Shevlin, M. (2019). Conducting the pilot study: A neglected part of the research process? Methodological findings supporting the importance of piloting in qualitative research studies. *International journal of qualitative methods*, 18, 1609406919878341..
- Nazri, M. N. B. M., & Nie, K. S. (2023). Kewartawanan Sukan Malaysia: Refleksi Pengamal Media Astro Arena Tentang Liputan Sukan Olimpik 2020. *Akademika*, 93(2), 237-248.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Method*. 2nd ed. Penerbit: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pati Anak Aleng. 2014. *Transformasi Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. PTS Akademia: Selangor Darul Ehsan.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Patton, M.Q (2015). *Qualitative Research and Evaluation Method* 4th Edition. Thousand Oaks. Penerbitan Sage.
- Rush, M. (2018). Importance of Sports to Health. Sportsrec.com
- Saari, Z. N., A Ghani, M. F., & Mohd Radzi, N. (2023). Cabaran amalan kepimpinan silang budaya pemimpin sekolah Malaysia: satu kajian awal. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(3), 27-38.
- Singer, N. (2019). A proposed program for the activities of the school media literacy in the development of some dimensions of learning for students in the third-grade primary considering the vision of Egypt 2030. *International Journal of Humanities and Social Science*, 9(3).
- Strauss, A. & Corbin, J.M. (1990). *Basic of Qualitative Research: Grounded Theory Procedures and Technique*. Sage Publications Inc
- Strauss, A.L. & Corbin, J.M. (2008). *Basic of Qualitative Research Technique and Procedures for Developing Grounded Theory*, 358.
- Tisdell, E. J., Merriam, S. B., & Stuckey-Peyrot, H. L. (2025). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. John Wiley & Sons.